

101.

SOALAN NO: 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' SRI WEE JECK SENG

TARIKH: 6 MAC 2018

SOALAN:

**Dato' Sri Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah saluran aduan yang boleh dicapai oleh pekerja wanita ke atas syarikat atau majikan yang masih tidak memberikan cuti bersalin 90 hari sementara menunggu pindaan serta penguatkuasaan Akta Pekerjaan 1955.

PR-1361- L04453

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, cadangan pemberian cuti bersalin daripada 60 hari kepada 90 hari di sektor swasta adalah merupakan inisiatif kerajaan yang amat baik untuk meningkatkan kebajikan dan hubungan kekeluargaan kepada pekerja-pekerja sebagaimana pengumuman oleh YAB Perdana Menteri dalam cadangan Bajet 2018.
2. Peruntukan undang-undang sedia ada tidak menghalang mana-mana majikan untuk memberikan kemudahan cuti dan elaun bersalin yang lebih baik kepada pekerjanya. Malah perlindungan yang lebih baik juga boleh dirundingkan di antara kesatuan sekerja dan majikan untuk dimasukkan dalam terma-terma dan syarat-syarat kontrak perkhidmatan atau Perjanjian Bersama (CA). Berhubung dengan perkara ini, majikan amat digalakkan untuk melaksanakan pemberian cuti sebagai menyahut pengumuman oleh YAB Perdana Menteri dalam Ucapan Bajet 2018.
3. Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengambil kira pandangan dan cadangan daripada kesatuan sekerja dan kesatuan majikan dalam sesi libat urus yang dijalankan berkaitan pindaan ke atas peruntukan seksyen 37, Akta Kerja 1955, seksyen 83, Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan seksyen 84, Ordinan Buruh (Sarawak Bab

103

76). Draf cadangan Rang Undang-undang pindaan Akta Kerja 1955(Akta 265) berkenaan perlu untuk semakan dan kelulusan Jabatan Peguam Negara sebelum dibentangkan dalam sesi parlimen tahun ini.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Di samping itu, KSM melalui Jabatan Tenaga Kerja akan menjalankan siasatan kepada mana-mana syarikat yang mengeksploitasi atau mendiskriminasikan pekerja wanita selaras dengan peruntukan Akta Kerja 1955. Jika terdapat sebarang aduan, pekerja boleh membuat aduan di 54 pejabat-pejabat Tenaga Kerja di Semenanjung Malaysia, 16 Pejabat Tenaga Kerja di Sabah dan 14 Pejabat Tenaga kerja di Sarawak yang berhampiran tempat pekerjaan.